

MyGovUC

E-BULETIN

EDISI 6



Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, kita semua dapat bertemu kembali dalam penerbitan e-Buletin edisi keenam ini. Kejayaan untuk terus menerbitkan e-Buletin ini adalah hasil daripada sokongan berterusan daripada semua pengguna yang dihormati. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kandungan e-Buletin ini terus relevan dan bermanfaat kepada semua. Ingin juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025 dan salam penuh keberkatan sempena menyambut kedatangan Bulan Rejab yang mulia. Semoga tahun ini membawa kebahagiaan, kejayaan dan kesejahteraan kepada kita dan juga kepada organisasi secara keseluruhan. Berbekalkan keikhlasan dan usaha yang berterusan, insya-Allah perkhidmatan MyGovUC pasti mampu merealisasikan visi dan misinya.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Untuk edisi kali ini, telah disediakan beberapa ruangan istimewa yang dapat memberikan informasi serta panduan yang berguna. Antara ruangan yang menarik perhatian ialah Spotlight, CoolStuff dan Info Keselamatan. Setiap ruangan ini telah disusun rapi agar dapat menyajikan maklumat yang sesuai kepada para pengguna MyGovUC dalam menjalankan tugas harian dengan lebih efisien.

Dalam ruangan Spotlight, e-Buletin edisi keenam ini memberi tumpuan kepada Anugerah 'Digital Government Award' yang telah diterima daripada Govinsider pada 20 November 2024. Anugerah ini mengiktiraf usaha JDN dalam pendigitalan dan transformasi Perkhidmatan Awam Malaysia untuk membawa negara ke tahap yang lebih tinggi. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pengguna MyGovUC atas sokongan dan kerjasama yang diberikan selama perkhidmatan ini disediakan.

Seterusnya, ruangan CoolStuff menampilkan panduan berguna untuk Pengurusan Inbox yang berkesan. Beberapa fungsi utama diketengahkan seperti penggunaan Label untuk membantu menyusun e-mel mengikut kategori secara teratur, Filters yang mempermudah penapisan dan pengurusan e-mel secara automatik serta Quick Settings bagi menyesuaikan paparan inbox mengikut keperluan individu. Dengan menerapkan ciri-ciri ini, pengguna MyGovUC dapat mengurus inbox mereka dengan lebih cekap, memastikan semua urusan harian berjalan dengan lancar dan produktif.

Akhir sekali, ruangan Info Keselamatan membawa maklumat penting berkenaan keselamatan digital khususnya mengenai kepentingan pengurusan kata laluan yang selamat. Antara langkah yang disarankan ialah menggunakan kata laluan yang kukuh, unik dan dikemas kini secara berkala. Elakkan berkongsi kata laluan, menggunakan kata laluan sama untuk pelbagai akaun atau menyimpannya di tempat yang tidak selamat. Panduan ini membantu meningkatkan keselamatan digital pengguna.

Semoga segala informasi yang dikongsikan dalam edisi kali ini dapat memberi manfaat dan meningkatkan kesedaran dalam penggunaan perkhidmatan MyGovUC dengan lebih selamat dan berkesan. Saya berharap agar e-Buletin ini menjadi sumber rujukan yang bermakna buat semua pengguna MyGovUC.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Mahanum binti Daim
Pengurus Projek MyGovUC
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur Dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara

ISI KANDUNGAN

- 1 Pemenang eKuiz Edisi 5
- 2 *Coolstuff*
- 3 *Spotlight*
- 4 Info Keselamatan
- 5 Info Terkini
- 6 Akan Datang

TAHNIAH!

1 | PEMENANG E-KUIZ

PEMENANG E-KUIZ E-BULETIN MYGOVUC EDISI 5



ASYRAF RASYIDDIN BIN ARZEMI

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



JULIAH BINTI DAMSI

HOSPITAL DUCHESS OF KENT
(SANDAKAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



**SITI NORSYAWALTUL AISYAH
BINTI AFRIZAN JONG**

BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL
KEMENTERIAN KERJA RAYA



LEE KUM SOON

BAHAGIAN SUMBER DAN
TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



SYAHRUL SYAZWAN BIN SHALBI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR

TAHNIAH!

PEMENANG E-KUIZ E-BULETIN MYGOVUC EDISI 5



ZAWANAH BINTI ABDUL MALIK
JABATAN PERDANA MENTERI



NUR AKMAR BINTI HAMID SULTAN
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN
DESA NEGERI PULAU PINANG
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG



TS. NORHIDAYAH BINTI SAID
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA



YASSIR ASYRAFF MOHD KASSIM
POLITEKNIK METRO KUANTAN



MUHAMAD ZAIRUL BIN MANSOR
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PERDANA MENTERI



PENGURUSAN INBOX

Mengurus *inbox* anda dengan berkesan adalah kunci untuk kekal teratur dan produktif. Perkhidmatan e-mel MyGovUC menyediakan fungsi-fungsi yang membantu pengguna dalam pengurusan *inbox* iaitu:

2. FILTERS

Fungsi *filters* memudahkan lagi pengurusan e-mel anda dengan mengkategorikan e-mel kepada label dengan tersendiri berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh anda.

Contohnya, e-mel jemputan ditetapkan secara automatik kepada label “Jemputan Kalendar” atau e-mel daripada pegawai atasan ditetapkan secara automatik kepada label “Ketua Bahagian”.

1. LABEL


Susun e-mel anda dengan membuat label untuk kategori yang berbeza. Label berfungsi seperti folder tetapi lebih fleksibel kerana satu (1) e-mel boleh mempunyai lebih daripada satu (1) label. Gunakan warna untuk menunjukkan label penting dan memudahkan pencarian maklumat kritikal dengan cepat.

3. QUICK SETTINGS

Tetapkan *inbox* anda mengikut kesesuaian dan keperluan harian anda dengan mudah dalam beberapa saat sahaja menggunakan *Quick settings*.

Sesuaikan susun atur (*layout*), aktifkan *reading panes* untuk pra tonton (*preview*) e-mel dan tetapkan tema untuk paparan ruang kerja yang selesa.


1.



2.





3.



LABEL

1. MENCIPTA LABEL







NEST LABEL UNDER

Anda boleh membuat sublabel di bawah label induk. *Sublabel* ini dipanggil sebagai **Nest label**. Sebagai contoh, anda boleh membuat label peringkat teratas iaitu 'Tugasan' dan mempunyai *sublabel* untuk setiap rakan sepasukan anda di bawahnya.





2. MENGUBAH WARNA LABEL




ADD CUSTOM COLOUR

Jika anda mahu pilihan warna yang pelbagai, anda boleh klik pada *add custom colour* bagi memilih warna label dan warna perkataan yang akan dipaparkan.


3. PENETAPAN LABEL KEPADA E-MEL




Pilih e-mel anda yang ingin diletakkan *label* seperti yang ditunjukkan.



Pilih *label* yang bersesuaian dengan e-mel anda seperti e-mel tidak berkaitan di *label* sebagai "Lain-lain".



MENCIPTA FILTER



a. FROM

Anda boleh menetapkan *label* berdasarkan alamat e-mel pengirim seperti alamat e-mel pegawai atasan, alamat e-mel berita atau alamat e-mel rakan sepasukan anda.

b. TO



Anda boleh menetapkan *label*, contohnya “Tugasan Selesai” berdasarkan alamat e-mel penerima seperti alamat e-mel pegawai atasan dan alamat e-mel rakan sepasukan anda.

c. SUBJECT

Anda boleh menetapkan *label* berdasarkan perkara e-mel yang lazim digunakan seperti Jemputan, Mesyuarat, Perbincangan dan *Post-Mortem*.

NOTA

Label yang ditetapkan menggunakan filter hanya akan diaplikasikan kepada e-mel yang belum diterima.



a. E-mel yang ditapis akan terus di arkib


b. E-mel yang ditapis akan sentiasa ditandakan sebagai *starred*

c. E-mel yang ditapis akan terus di *delete* daripada *inbox*

d. E-mel yang ditapis tidak akan ditandakan sebagai *Spam*

e. E-mel yang ditapis akan sentiasa ditandakan sebagai *Spam*


QUICK SETTINGS



See all settings

Melihat semua tetapan yang dapat diubah berdasarkan kesesuaian dan kehendak pengguna. Antara tetapan yang dapat diubah adalah seperti tersebut :

1. Umum
2. Label
3. Inbox
4. Akaun dan Import
5. Filters
6. Forwardings
7. Add-ons
8. Advanced
9. Offline
10. Tema



Density:

Tahap kepadatan maklumat yang dipaparkan dalam *inbox* pengguna.

Default:


Tahap kepadatan maklumat paling kurang.

Comfortable:

Tahap kepadatan maklumat yang selesa.

Compact:

Tahap kepadatan maklumat paling mampat.



Paparan e-mel akan disusun berdasarkan:

Default:

Paparan ditetapkan secara automatik.

Important first:


Susunan e-mel yang dikategorikan penting berada di atas sekali.

Unread first:

E-mel yang belum dibaca akan disusun di atas sekali.

Starred first:

E-mel yang ditandakan dengan starred akan disusun di atas sekali.



Reading Pane:

Fungsi yang membolehkan pengguna *preview* kandungan e-mel pada paparan *inbox*.

No split:

Tiada paparan *preview* diaktifkan.

Right of inbox:

Paparan *preview* kandungan e-mel akan berada di sebelah kanan *inbox*.

Below inbox:

Paparan *preview* kandungan e-mel akan berada di bawah *inbox*.

Conversation view:

Memaparkan e-mel di bawah *subjek* yang sama dalam satu (1) paparan sahaja.





DIGITAL GOVERNMENT AWARD

ANUGERAH TRANSFORMASI DIGITAL MALAYSIA

Digital Government Award diberikan oleh GovInsider bagi mengiktiraf usaha cemerlang dan sumbangan individu serta agensi sektor awam terhadap inovasi dan transformasi digital. Anugerah ini adalah sebahagian daripada siri anugerah di peringkat negara yang diberikan di seluruh Asia Tenggara.

Jabatan Digital Negara telah dianugerahkan sebagai pemenang Anugerah Transformasi Digital Malaysia pada 20 November 2024. Anugerah ini mengiktiraf usaha JDN dalam pendigitalan dan transformasi Perkhidmatan Awam Malaysia selari dengan objektif Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pengguna MyGovUC diatas sokongan dan penglibatan yang tidak terhingga. Diharap kejayaan ini berterusan dalam mewujudkan persekitaran digital yang lebih maju dan inklusif.



Bagi meraikan satu (1) tahun bersama Jabatan Digital Negara (JDN), Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Digital Negara telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang pelbagai perkhidmatan yang diterajui oleh JDN termasuk perkhidmatan MyGovUC. Program ini dapat memperkukuh kerjasama antara JDN dan pengguna-pengguna MyGovUC. Terdapat pelbagai gabungan kolaborasi antara vendor seperti Awantec, Happy Eyecare, KOPROTECH dan pelbagai lagi.



Jelajah Taklimat telah dilakukan bagi meningkatkan lagi pengetahuan pengguna tentang perkhidmatan MyGovUC yang disediakan.



Zon Selatan:
Dilaksanakan di
Jabatan Pendidikan
Negeri Johor

Zon Pantai Timur:
Dilaksanakan di
Lembaga Muzium
Negeri Terengganu



Zon Utara:
Dilaksanakan di
ILKKM
(Kejururawatan)
Alor Setar

Status Pelaksanaan MyGovUC:



Kerajaan Negeri:

3



Kementerian:

25



Agensi:

200



PUNCA KEBOCORAN KATA LALUAN



KATA LALUAN LEMAH:

Menggunakan kata laluan yang mudah diteka, seperti "123456" atau "password."



KONGSI KATA LALUAN:

Risiko kata laluan tersebar kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.



TIDAK MENGAKTIFKAN 2-STEP VERIFICATION (2SV):

Tiada lapisan keselamatan tambahan.



MENYIMPAN KATA LALUAN DENGAN TIDAK SELAMAT:

Menyimpan dalam dokumen yang tidak disulitkan atau memaparkan di ruang bekerja.

PANDUAN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KATA LALUAN



Pengguna DIGALAKKAN untuk :

1. Gunakan kata laluan yang berkombinasi huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol.
2. Aktifkan *2-Step Verification (2SV)*. Gunakan aplikasi seperti Google Authenticator atau SMS.
3. Gunakan Google Password Manager untuk simpan kata laluan secara selamat.
4. Tukar kata laluan secara berkala setiap 3-6 bulan.



Perkara yang TIDAK DIGALAKKAN untuk :

1. Elakkan menggunakan kata laluan yang sama untuk semua akaun anda. Satu kebocoran boleh membahayakan semua akaun yang lain.
2. Jangan menekan pautan *phishing*. Sentiasa semak e-mel atau laman web sebelum memasukkan kata laluan.
3. Jangan abaikan amaran keselamatan. Jika menerima notifikasi log masuk mencurigakan, segera periksa akaun anda.
4. Pastikan pengemaskinian perisian telah dilakukan. Perisian yang tidak dikemaskini boleh mendedahkan anda kepada ancaman keselamatan.





APA ITU GOOGLE PASSWORD MANAGER?

Google Password Manager adalah alat pengurusan kata laluan yang memudahkan dan memperkukuhkan keselamatan digital anda. Dengan ciri seperti penjana kata laluan, autofill dan pemeriksaan keselamatan, ia adalah penyelesaian yang sesuai untuk mengelakkan kebocoran dan mengurus kata laluan dengan cekap.

1. Menyimpan kata laluan dengan selamat.

2. Mengisi kata laluan secara automatik (Autofill).


3. Menjana kata laluan yang kukuh.

4. Menyelaraskan kata laluan di semua peranti.

5. Pengurusan kata laluan.

CARA PENGGUNAAN GOOGLE PASSWORD MANAGER

Klik pada tiga titik di sebelah akaun Google anda. Seterusnya, pilih Passwords and Autofill. Kemudian pilih Google Password Manager.




CARA PENGGUNAAN GOOGLE PASSWORD MANAGER

Untuk menguruskan, menyunting atau memadam kata laluan yang tersimpan:

1. Klik pada Google Password Manager.

2. Cari akaun yang ingin diubah.

3. Klik pada akaun tersebut untuk mengedit atau memadam maklumat.






AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN



SESI LIBAT URUS PERKHIDMATAN MYGOVUC

18 April 2024
Parlimen Malaysia



SESI LIBAT URUS PERKHIDMATAN MYGOVUC

20 Ogos 2024
Agensi Kawalan
dan Perlindungan
Sempadan Malaysia
(MCBA)



TAKLIMAT PENGGUNA BAHARU MYGOVUC

3 Disember 2024
Institut Sukan Negara
(ISN)



BENGKEL KAJIAN KEPUASAN PENGGUNA

13 Disember 2024
Dorsett Putrajaya



TAKLIMAT PENGGUNA BAHARU MYGOVUC

26 Disember 2024
Lembaga Perindustrian
Kayu Malaysia (MTIB)



TRAIN-THE-TRAINER

23-24 Disember 2024
Jabatan Perdana Menteri



TAKLIMAT PENGGUNA BAHARU MYGOVUC

7 Januari 2025
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)



AKAN DATANG



LATIHAN PENGGUNA


Latihan pengguna akan
dilaksanakan pada bulan
Januari dan Februari 2025



TAKLIMAT PENGGUNA

Taklimat Pengguna akan
dilaksanakan pada bulan
Februari 2025

EKUIZ



IMBAS KOD QR UNTUK MENJAWAB EKUIZ

10 responden terpalas dengan jawapan yang betul
akan dipilih sebagai pemenang dan akan dihubungi
melalui e-mel rasmi pengguna.

Diterbitkan oleh:
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara (JDN)
Kementerian Digital

JANUARI 2025

